PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN
BUKU JEJAK-JEJAK NEGARA BANGSA

KUALA LUMPUR, 22 OKTOBER 2026 – Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim hari ini meluncurkan buku (*coffee table*) kenegaraan eksklusif berjudul "Jejak-Jejak Negara Bangsa" terbitan Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri. Majlis peluncuran tersebut disempurnakan sebelum mempengerusikan Mesyuarat Tatakelola Dewan Kenegaraan yang berlangsung di Bangunan Seri Perdana, Putrajaya yang turut dihadiri oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri.

Buku "Jejak-jejak Negara Bangsa" merupakan naskhah dokumentasi visual dan naratif yang merakamkan detik-detik penting negara, kisah pengorbanan tokoh terdahulu, serta evolusi pembentukan identiti Malaysia dari era prakemerdekaan hingga ke fasa pemodenan negara. Dihasilkan dengan mutu percetakan dan arkib visual bernilai tinggi, naskhah ini menyorot asas-asas pembinaan negara berasaskan nilai keadilan, integriti, kepelbagaian sosiobudaya, dan semangat perpaduan rakyat pelbagai kaum.

Pelancaran naskhah ini sewaktu Mesyuarat Tatakelola Dewan Kenegaraan membawa simbolisme besar terhadap komitmen berterusan kerajaan menerusi Akademi Kenegaraan Malaysia dalam memastikan agenda pemupukan kefahaman kenegaraan dan patriotisme bergerak seiring dengan tata kelola institusi yang telus, beretika, serta berintegriti tinggi selaras dengan kerangka Malaysia MADANI.

Penerbitan buku ini bukan sekadar sebuah rekod sejarah bergambar, bahkan berperanan sebagai wadah refleksi dan rujukan strategik bagi generasi masa kini serta masa depan untuk memahami akar jati diri watan secara mendalam dan

bermakna. Naskhah "Jejak-jejak Negara Bangsa" ini akan diedarkan secara percuma kepada perpustakaan utama, institusi pengajian tinggi, perwakilan diplomatik, serta agensi-agensi awam terpilih sebagai rujukan wacana kenegaraan dan khazanah dokumentasi negara.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
22 Oktober 2026

-TAMAT -